

updated 1:55 AM UTC, Jul 6, 2023

Carian.....

**BERITA TERKINI** Budak lelaki 7 tahun dikhawatir lemas jatuh Sungai Batang Kali

DE Rantau@Ipoh semarakkan sektor pelancongan, ekonomi Perak

July 5, 2023 Written by Media Baharu Published in Semasa

[Tweet](#)[OO](#)

Hits: 132

[Print](#)[Email](#)

(Datuk Seri Saarani melancarkan Program DE Rantau@Ipoh hari ini)

IPOH, 5 Julai- Pelancaran Program DE Rantau@Ipoh diharap dapat menyemarakkan lagi sektor pelancongan di Perak.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata usaha itu sejahtera dengan salah satu daripada enam agenda aspirasi rakyat dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, iaitu merancakkan pembangunan ekonomi digital.

Ujarnya Ipoh menjadi salah satu pilihan utama nomad digital disebabkan permintaan tinggi oleh komuniti tersebut.

"Ipoh kini salah satu lokasi bagi program DE Rantau selepas Pulau Pinang, Langkawi, Kuala Lumpur dan Melaka. Pemilihan negeri ini dapat melonjakkan bandar raya Ipoh."

"Kita berharap dengan perkembangan baharu ini, ia dapat menyemarakkan lagi pelancongan sempena Tahun Melawat Ipoh dan Tahun Melawat Perak 2024," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program tersebut di Ipoh.



Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Mahadhir Aziz; Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri, Loh Sze Yee dan Exco Komunikasi, Multimedia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Mohd Azlan Helmi Helmi.

Program De Rantau merupakan salah satu inisiatif strategik nasional yang diperkenalkan di bawah Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN).

Pelancarannya bertujuan meletakkan Malaysia sebagai hab pilihan utama warga nomad digital asing dan menggalakkan mobiliti dalam kalangan warga profesional digital antarabangsa selain memperkasakan sektor pelancongan negara di mata dunia.

Berdasarkan rekod tahun 2022, Perak antara negeri tumpuan dengan merekodkan seramai 14.6 juta pelawat domestik.

LAGI BERITA SEMASA

Tragedi kepala air: Jenazah kelapan selamat dikebumikan (41) 06-07-2023 09:08:11

Budak lelaki 7 tahun dikhutir lemas jatuh Sungai Batang Kali (92) 06-07-2023 08:26:21

Sektor perladangan kelapa sawit, Malaysia sedia kongsi pengalaman, kepakaran (59)

06-07-2023 08:12:14

Ketengahkan Diplomasi Halal Malaysia (123) 06-07-2023 00:30:46

Akaun Tik Tok SPRM, salur mesej kepada masyarakat (181) 05-07-2023 22:22:09

Suspek urus kemasukan pelancong China dikenal pasti (225) 05-07-2023 22:12:16

DE Rantau@Ipoh semarakkan sektor pelancongan, ekonomi Perak (131) 05-07-2023

21:22:18

Dua nelayan dipercayai hilang di perairan Sungai Besar (371) 05-07-2023 21:21:14

Jenazah Putri Alleya Maisarah, dituntut ibu saudara (190) 05-07-2023 21:16:01

Keluarga Diraja Johor sumbang lebih RM123 juta bantu rakyat ketika COVID-19 (134)

05-07-2023 20:33:43

Berita RTM
Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur.

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.

Hak Cipta Terpelihara © 2022 Radio Televisyen Malaysia.